

ANALISIS PENDEKATAN PENGAJARAN ILMU HADIS (IH) DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEKITAR NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Wahyu Hidayat Abdullah,

Univeristi Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak.

Mohd Ikhwan Zolkapli,

Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar Perak.

Nurul Fathonah Abdul Halim

Univeristi Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak

Abstrak

Ilmu-ilmu Hadis (IH) yang turut dikenali dengan Mustalah al-Hadith merupakan salah satu mata pelajaran dalam pengajian Islam yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam negara. Penerapan asas memahami hadis dalam mata pelajaran ini mampu meningkat kefahaman lebih baik mengenai hadis nabi SAW sebagai sumber kedua dalam agama Islam. Dengan pendekatan pengajaran yang diterapkan berdasarkan pembelajaran abad ke-21, ilmu hadis (IH) turut tidak ketinggalan dalam arus pendidikan dalam negara. Ia dilihat sebagai satu langkah dalam memertabatkan Islam sebagai agama rasmi di dalam negara. Kertas kerja ini merupakan sebahagian kajian pendekatan pengajaran Ilmu-ilmu Hadis (IH) di di institusi pengajian tinggi sekitar negeri Perak Darul Ridzuan. Dengan menggunakan kajian kuantitatif, sebanyak 85 responden digunakan dari dua universiti terpilih. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan silibus dalam matapelajaran ini di institusi pengajian tinggi terpilih di negeri Perak Darul Ridzuan. Pendekatan pengajaran bagi mata pelajaran IH turut dianalisis dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati mendapati bahawa hampir kesemua responden menunjukkan persepsi yang positif mengenai silibus yang digunakan bagi mata pelajaran (IH) dengan nilai min keseluruhan iaitu 4.63 dengan nilai sp=0.50. Begitu juga kajian mendapati, nilai min keseluruhan bagi pendekatan pengajaran yang melibatkan gaya penerangan, penggunaan teknologi dan pendekatan soal jawab berada pada tahap yang tinggi.

Kata kunci: *Ilmu-ilmu Hadis (IH); Mustalah al-Hadith; Institusi Pengajian Tinggi; Perak Darul Ridzuan.*

Pengenalan

Pengajian hadis merupakan salah satu elemen penting dalam keilmuan Islam. Sesuai dengan kedudukannya sebagai sumber kedua dalam Islam, pengajian hadis terbentuk secara tidak langsung seiring keperluannya sebagai sumber dalil dalam pensyariatan agama. Sebagai ilmu yang berkembang bersama ajaran Islam, perkembangan pengajian hadis dilihat bergerak dalam bentuk formal dan tidak formal. Menurut (Fadzil, Deraman, & Amir, 2014), pembahagian bentuk pengajian keagamaan secara khususnya dalam negara, memberikan definisi jelas pengajian formal yang terarah kepada institusi pendidikan yang mempunyai infrastruktur yang lengkap dan sempurna seperti sekolah dan juga pusat pengajian tinggi. Manakala pengajian tidak formal merangkumi pengajian di masjid, madrasah, sekolah pondok dan sebagainya. Begitu juga pengajian berbentuk tidak formal dijalankan secara kaedah tradisional manakala pengajian berbentuk formal lebih kepada menggunakan kaedah moden.

Umumnya pengajian-pengajian keagamaan di nusantara seawal perkembangan Islam khususnya di Tanah Melayu merekodkan aktiviti pengajian *Ilmu Hadis* (IH) di Malaysia bermula melalui institusi tidak formal seperti pondok, madrasah yang diwujudkan sendiri oleh tokoh-tokoh ulama yang mendapat sekongan penuh pemimpin di sesebuah daerah. Sebagai contoh, institusi pengajian pondok di Malaysia pada awalnya bermula di rumah yang dijadikan sebagai salah satu pusat pengajian. Direkodkan surau atau madrasah juga yang telah dibina agar bersambung dengan rumah tuan guru. Di samping, pondok-pondok kecil juga turut dibina bagi memudahkan pelajar yang jauh untuk menginap di pondok tersebut. Kerancakan pengajian hadis dilihat dengan wujudnya siri pengajian yang diadakan di masjid-masjid. Terdapat ramai para ilmuan yang dijemput bagi mengajar hadis nabi SAW kepada pelajar dan juga masyarakat dengan lebih luas dan terperinci perbahasannya (Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman & Faisal Ahmad Shah, 2010).

Hingga ke hari ini, pengajian hadis berada di pentas pengajian formal seiring dengan perkembangan semasa. Ia sekaligus menjadikan pengajian hadis telah menjadi salah satu mata pelajaran penting yang berjalan diperingkat pengajian arus perdana dalam negara. Dalam memertabatkan agama Islam sebagai agama rasmi, institusi pengajian tinggi di Malaysia merupakan salah satu institusi yang turut memainkan peranannya mengukuhkan kefahaman Islam kepada penganutnya melalui sistem pendidikan.

Pengajian hadis dalam negara, sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah hingga ke institusi pengajian tinggi menawarkan beberapa siri mata pelajaran atau program pengajian khusus dalam bidang hadis nabi. Susunan yang sistematik memberikan program dalam pengajian Islam di institusi pengajian tinggi di Malaysia mempunyai tarikan yang tersendiri hingga mampu menarik para pelajar dari luar negara turut serta mengikuti program yang ditawarkan. Kursus yang ditawarkan di kebanyakan universiti akan sentiasa melalui semakan dan penambahbaikan bersesuaian dengan perkembangan dan keperluan masyarakat. Badan pemantauan iaitu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) berperanan sebagai badan jaminan kualiti pengajian tinggi dan titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan serta mengakredit program dan kelayakan pendidikan tinggi berdasarkan kriteria dan standard yang ditetapkan (Bernama, 2019).

Ilmu hadis (IH) turut mempunyai nama lain dalam bahasa Arab antaranya seperti *Mustalah al-Hadith* dan *Ulum al-Hadith*. Penggunaan kedua-dua nama ini cukup sinonim bagi umat Islam di Malaysia. Menjadi salah satu mata pelajaran yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi dalam negara, terdapat beberapa insitusi menggunakan nama yang berbeza seperti “ilmu-ilmu hadith” seperti di Universiti Pendidikan Sultan Idris, telah me-melayu-kan istilah ini. Walaubagaimanapun, kajian (Muhammad Faidz. M.F, Fauzi Deraman, et.al, 2014:33) menyenaraikan penawaran kursus ilmu hadis bagi institusi terpilih menunjukkan nama kursus ‘*Ulum al-hadith*’ lebih kerap digunakan.

Kursus Ilmu Hadis (IH) merupakan salah satu kursus teras bagi program-program yang ditawarkan. Ini kerana *Ilmu hadis* merupakan disiplin asas dalam memahami hadis nabi Muhammad SAW. Menurut (Shumsudin Yabi, 2017:99) beberapa universiti samada awam

ataupun swasta dikenalpasti yang menawarkan kursus ilmu hadis (IH) santaranya seperti di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, UKM (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Jabatan Pengajian Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Terdapat beberapa institusi lain seperti, kolej, kolej universiti di setiap negeri di dalam negara turut menawarkan kursus ini, di pelbagai peringkat, seperti ijazah dan diploma seperti KUIS.

Umumnya di peringkat universiti, kursus-kursus berkaitan dengan hadis digarap dengan gabungan metode ilmu hadis *Dirayah* dan *Riwayah* yang telah melahirkan kursus-kursus seperti ‘*Ulum al- Hadith*, *Dirasat al- Asanid*, *Manahij al- Muhaddithin* dan seumpamanya. Antara subjek penting dalam program keagamaan ialah ilmu-ilmu hadis. *Ilmu Hadis* (IH) merupakan salah satu subjek utama dalam bidang hadis yang didedahkan peringkat institusi pengajian awam dan swasta seperti universiti. Subjek ini ditawarkan melalui program-program yang berkaitan dengan pengajian dan pendidikan Islam secara amnya. Rancangan instruksional subjek ini dibentuk secara tersendiri oleh institusi yang menawarkan subjek ini. Silibus pengajaran yang ditentukan masih perlu menerapkan asas-asas dalam ilmu hadis. Reka bentuk subjek ini merangkumi silibus, pemilihan topik, kaedah pengajaran dan pembelajaran memberi impak yang tersendiri dalam pencapaian pelajar.

Teoritikal Kajian

Antara model awal tentang amalan pengajaran guru yang berkesan telah dikemukakan oleh Carroll (1963, 1989). Amalan ini dipengaruhi oleh lima faktor, iaitu sikap (*attitude*), kebolehan untuk memahami pengajaran (*ability to understand*), ketekunan (*perseverance*), peluang (*opportunity*) dan pengajaran yang berkualiti (*Quality of instruction*). Jika sikap pelajar terhadap pelajaran adalah tinggi, ia mudah untuk memahami pengajaran dan dengan demikian itu pelajar akan tekun belajar dan akhirnya mudah untuk memahami sesuatu konsep dan kemahiran. Begitu juga jika pengajaran guru itu baik maka pelajar akan belajar dengan mudah.

Namun salah satu teori pengajaran yang lebih awal dari Caroll telah dikemukakan oleh Robert Glaser. Menurut (Baharom Mohamad & Iliyas Hashim, 2010) berdasarkan gaya pengajaran Robert Glaser, setiap pengajaran bermula dengan objektif yang ditentukan oleh guru tersebut. Tingkah laku pelajar juga boleh membantu guru dalam merancang langkah-langkah pengajaran yang bersesuaian dengan pelajar. Setelah itu, guru boleh melihat pencapaian yang diperolehi pelajar dalam menentukan keberkesanan pengajaran yang telah dilakukan.

(Slavin 1987, 1994) telah mengemukakan model pengajaran berkesan yang baru, yang memberi penekanan hanya kepada faktor pengajaran guru sahaja. Mengikut Slavin (1994) terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran yang berkesan, iaitu kualiti pengajaran (*quality of instruction*), kesesuaian aras pengajaran (*appropriate level of instruction*), insentif (*incentive*) dan masa (*time*). Kualiti pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkan pelajar. Oleh itu, guru perlu menyampaikan isi pengajaran secara tersusun dan sistematik (Kallison, 1986); menggunakan bahasa yang jelas dan mudah (Land, 1987), penerangannya yang jelas, dan memberi contoh-contoh yang berkaitan (Mayer & Gallini, 1994); penekanan kepada isi-isi penting dan pelajaran itu cuba di kaitkan pula dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lalu dan yang sedia ada (King & Menke, 1992); dan menggunakan alat bantu mengajar (ABM) bagi membantu menerangkan sesuatu konsep (Hiebert, Wearne & Taber, 1991; Kazna 1991). Selain itu, objektif pelajaran hendaklah

jelas dan khusus, isi kandungan adalah mencukupi dan pada akhir sesuatu pelajaran, guru perlu mengadakan penilaian atau peperiksaan. Begitu juga terdapat beberapa kajian yang berusaha mengenal pasti hubungan antara gaya pengajaran guru dengan pencapaian pelajar seperti kajian (Zinn, 2004) dan kajian (Aitkin dan Zuzovsky, 1994).

Permasalahan Kajian

Kajian-kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan *Ilmu Hadis* (IH) telah menemui kelebihbaikan pendekatan pengajaran yang telah diaplikasikan dengan gabungan tradisi dan kontemporari dalam pengajaran hadis. Menurut (Hasnuddin Bin Ab Rahman et al., 2015:238) satu anjakan paradigma perlu dalam pengajaran hadis supaya menepati metode yang digariskan oleh ulama hadis, bermula dari pemilihan kitab-kitab hadith yang muktabar sehingga kepada metodologi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dalam masa yang sama, penggunaan ICT turut diperlukan bagi membantu pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Menurut (Wan Yahaya & Abd Rahman, 2008: 55) para guru perlu sentiasa bersedia untuk mengintegrasikan penggunaan teknologi maklumat terkini dalam pengajaran pendidikan Islam. Hal ini dapat disokong dengan kajian (A. Irwan Santeri D. K, Syed Najihuddin S.H, Mohd Zohdi M.Aet.l, 2018) menunjukkan penggunaan ICT dikalangan tenaga pengajar USIM dalam mata pelajaran *Ilmu Hadis* (IH) menunjukkan bahawa 92.9% responden sangat menggalakkan pelajar menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadis bagi tujuan rujukan.

Berdasarkan kepelbagaian bentuk dan gaya pengajaran yang diaplikasi oleh tenaga pengajar, sudah pasti memberikan impak dalam pencapaian para pelajar khusus dalam Ilmu Hadis (IH). Kajian yang dilakukan oleh (Nursyuhadah Mohamed & Mohd Akil Mohamed, 2016) menyatakan, hasil daripada tinjauan yang dilakukan terhadap 123 orang pelajar Fakulti Kotemporari Islam di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) mendapati tahap pengetahuan serta kefahaman pelajar dalam pengajaran ulum hadis dan persepsi pelajar terhadap gaya pengajaran yang digunakan pensyarah adalah berada di tahap yang tinggi. Ini membuktikan bahawa pensyarah menggunakan kepelbagaian metode pengajaran. Kajian (Syulhanif Kadri, Shumsudin Yabi, 2017), mendakwa hasil tinjauan laporan bagi subjek ini pada sesi 2016/2017, di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pula mendapati keputusan bagi pencapaian pelajar bagi peperiksaan akhir adalah kurang memberangsangkan. Dapatkan kajian menunjukkan hanya beberapa peratus pelajar sahaja yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan akhir. Walaubagaimanapun kajian (Shumsudin Yabi, Syulhanif Kadri, A.Irwan Santeri. et.l, 2019) pada tiga buah universiti iaitu di UKM, USIM dan UIAM menunjukkan persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Ilmu Hadis (IH) mencapai skor min yang tinggi.

Berdasar permasalahan yang dikemukakan, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti pelaksanaan silibus bagi mata pelajaran ilmu hadis di kalangan tenaga pengajar, sekaligus menganalisis gaya pengajaran di kalangan tenaga pengajar bagi meningkatkan pencapaian mahasiswa dalam subjek *ilmu hadis* (IH). Dua buah institusi pengajian tinggi di negeri Perak Darul Ridzuan dipilih dalam kajian ini yang menawarkan subjek Ilmu Hadis (IH), bagi melihat bentuk gaya pengajaran yang lebih berkesan.

Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti Pelaksanaan Silibus Bagi Mata Pelajaran Ilmu Hadis Di Kalangan Tenaga Pengajar.
- ii. Menganalisis Gaya Pengajaran Di Kalangan Tenaga Pengajar Bagi Meningkatkan Pencapaian Mahasiswa Dalam Subjek Ilmu Hadis.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Ia juga merupakan kajian diskriptif yang menggunakan instrumen soal selidik. Sampel yang dipilih merupakan pelajar-pelajar yang telah mempelajari kursus Ilmu Hadis (IH) di dua buah universiti terpilih sepanjang tempoh pengajian. Responden merupakan adalah pelajar yang mengambil mata pelajaran Ilmu-ilmu Hadith di UPSI dan USAS bagi tahun sesi 2019 semester pertama. Saiz sampel kajian ini ialah seramai 85 orang daripada kedua-dua buah universiti.

Instrumen dalam kajian adalah kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data untuk dianalisis oleh pengkaji. Kaedah yang digunakan bagi kajian ini adalah, soal selidik dengan skala *likert* telah digunakan bagi memperoleh data daripada responden. Instrumen kajian iaitu soal selidik telah digunakan untuk kesemua responden bagi menyelaraskan data yang dikumpulkan. Instrumen soal selidik juga adalah pemudah cara bagi responden untuk menjawab dengan tepat dan lebih praktikal serta berkesan. Data-data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statiscal Packcage for Social Science) V.23.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian disusun berdasarkan objektif yang dikemukakan iaitu seperti berikut;

- i. Analisis Pelaksanaan Silibus *Ilmu Hadis*

Pelaksanaan silibus (IH) bagi kedua-dua universiti ini diperolehi melalui maklum balas oleh mahasiswa-mahasiswa yang telah mengambil subjek ini di kedua-dua universiti adalah seperti dalam jadual (1);

Jadual (1): Pelaksanaan Silibus Kursus Ulum Hadis

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P
B1	Penerangan Definisi Hadis.	0	0	0	27 (31.8%)	58 (68.2%)	4.68	0.46
B2	Penerangan Perbezaan Al-Quran dan Hadis.	0	0	0	30 (35.3%)	55 (64.7%)	4.64	0.48
B3	Penerangan Tajuk-Tajuk Yang Akan Dipelajari.	0	0	0	30 (35.3%)	55 (64.7%)	4.64	0.48
B4	Penjelasan Sejarah Perkembangan Ulum Hadis.	0	0	0	32 (37.6%)	53 (62.4%)	4.62	0.48
B5	Penjelasan Kategori Hadis Dan Aspek Bilangan	0	0	1 (1.2%)	32 (37.6%)	52 (61.2%)	4.60	0.51

	Perawi. (Mutawatir Dan Ahad)							
B6	Penjelasan Kategori Hadis Dari Aspek Penuturnya (Qudsi, Marfuq, Mauquf Dan Maqtu')	0	0	2 (2.4%)	26 (30.6%)	57 (67.1%)	4.64	0.52
B7	Penjelasan Kategori Hadis Dari Aspek Hukum (Sahih, Hasan Dan Dhaif)	0	0	3 (3.5%)	24 (28.2%)	58 (68.2%)	4.64	0.55
B8	Penjelasan Ilmu Nasikh dan Mansukh Dalam Hadis.	0	0	3 (3.5%)	32 (37.6%)	50 (58.8%)	4.55	0.56
B9	Huraian Kewujudan Hadis Palsu.	0	0	2 (2.4%)	29 (34.1%)	54 (63.5%)	4.61	0.53
B10	Huraian Sukatan Panduan Kursus Semasa Sesi Kuliah.	0	0	1 (1.2%)	25 (29.4%)	59 (69.4%)	4.68	0.49
Min Keseluruhan							4.63	0.50

ii. Analisis Pendekatan Pengajaran IH

Analisis pendekatan pengajaran pensyarah bagi subjek *Ilmu Hadis* (IH) berdasarkan tiga elemen penting, iaitu kaedah penerangan dalam *Ilmu Hadis* (IH), penggunaan teknologi ICT dalam pengajaran dan pendekatan sesi soal jawab dalam PdP.

Jadual 2: Pendekatan Pengajaran Tenaga Pengajar

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP
C1	Penerangan Dalam Sesi Kuliah Bagi Setiap Topik.	0	0	0	34 (40.0%)	51 (60.0%)	4.60	0.49
C2	Penerangan Jelas Dan Mudah Difahami	0	0	2 (2.4%)	28 (32.9%)	55 (54.7%)	4.62	0.53
C3	Penggunaan Set Induksi Dalam Sesi Pengajaran.	0	0	10 (11.8 %)	43 (50.6%)	32 (37.6%)	4.25	0.65
C4	Penggunaan Intonasi Suara Yang Baik.	0	0	1 (1.2%)	34 (40.0%)	50 (58.8%)	4.57	0.52
C5	Perbincangan Secara Berkumpulan.	0	0	5 (5.9%)	43 (50.6%)	37 (43.5%)	4.37	0.59
C6	Penyediaan Nota Penting Dalam Sesi Pembelajaran.	0	0	4 (4.7%)	34 (40.0%)	47 (55.3%)	4.50	0.59
C7	Kaitan Topik-Topik Hadith Dengan Isu- Isu Semasa.	0	0	5 (5.9%)	35 (41.2%)	45 (52.9%)	4.47	0.60
C8	Penggunaan Inovasi Dalam Sesi Pdp.	0	0	13 (15.3 %)	39 (45.9%)	33 (38.8%)	4.23	0.70
C9	Mewujudkan Suasana Harmoni Semasa Penerangan.	0	0	1 (1.2%)	38 (44.7%)	46 (54.1%)	4.52	0.52

C10	Rumusan Dan Perbincangan Bagi Setiap Topik.	0	0	0	33 (38.8%)	52 (61.2%)	4.61	0.4 9
	Min Keseluruhan						4.47	0.3 8

Jadual 3. Penggunaan Teknologi ICT Dalam Pengajaran

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP
C11	Penggunaan Alat Bantu Mengajar Slide P.Point	0	0	1 (1.2%)	37 (43.5%)	47 (55.3%)	4.54	0.52
C12	Penggunaan kitab secara PDF	0	0	3 (3.5%)	32 (37.6%)	50 (58.8%)	4.55	0.56
C13	Penggunaan Software Hadis	0	0	5 (5.9%)	33 (38.8%)	47 (55.3%)	4.49	0.60
C14	Penggunaan aplikasi online hadis	0	0	6 (7.1%)	39 (45.9%)	40 (47.1%)	4.40	0.62
C15	Penggunaan aplikasi tertentu dalam sesi PnP	0	0	4 (4.7%)	38 (44.7%)	43 (50.6%)	4.45	0.58
	Min Keseluruhan						4.48	0.44

Jadual 4: Pendekatan Soal Jawab dalam PdP

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP
C16	Sesi Soal Jawab di Akhir Kuliah.	0	0	5 (5.9%)	42 (49.4%)	38 (44.7%)	4.38	0.59
C17	Peluang Mengajukan Soalan Semasa Sesi Kuliah.	0	0	1 (1.2%)	33 (38.8%)	51 (60.0%)	4.58	0.51
C18	Tenaga Pengajar Menjawab Soalan Yang dikemukakan.	0	0	3 (3.5%)	37 (43.5%)	45 (52.9%)	4.49	0.56
C19	Respon Baik Daripada Tenaga Pengajar.	0	0	0 (43.5%)	37 (56.5%)	48 (56.5%)	4.56	0.49
C20	Sesi Soal Jawab Membantu Memahami Topik.	0	0	1 (1.2%)	29 (34.1%)	55 (64.7%)	4.63	0.50
	Min Keseluruhan						4.53	0.40

Perbincangan dan Rumusan

i. Penilaian Silibus Ilmu Hadis

Berdasarkan jadual (1), keseluruhan item menunjukkan nilai min yang tinggi berkaitan dengan silibus (IH). Terdapat dua item yang menunjukkan nilai min paling tertinggi iaitu dengan nilai min sebanyak 4.68 bagi (item B1) "Penerangan Definisi Hadis" (Min = 4.68, sp= 0.46) terdapat seramai 58 orang (68.2%) responden yang sangat setuju dan 27 orang (31.8%) adalah setuju. Bagi item (B10) "Huraian Sukatan Panduan Kursus Semasa Sesi Kuliah" (Min = 4.68, sp = 0.49) seramai 59 orang (69.4%) yang sangat setuju, 25 orang (29.4%) setuju dan kurang setuju

seorang (1.2%). Seterusnya, item yang mempunyai nilai min tinggi adalah item (B2) “Penerangan Perbezaan Al- Quran dan Hadis”. Item (B3) “Penerangan Tajuk-Tajuk Yang Akan Dipelajari.” (Min = 4.64, sp = 0.48) dengan pernyataan sangat setuju sebanyak 55 orang (64.7%) dan 30 orang (35.3%) setuju. Item (B6) “Penjelasan Kategori Hadis Dari Aspek Penuturnya (Qudsi, Marfuq, Mauquf Dan Maqtu’)” menunjukkan (Min = 4.64, sp = 0.52) dengan jumlah responden yang sangat setuju 57 orang (67. 1%), responden setuju sebanyak 26 orang (30.6%) dan kurang setuju 2 orang (2.4%) sahaja. Item (B7) “Penjelasan Kategori Hadis Dari Aspek Hukum (Sahih, Hasan Dan Dhaif)” mempamerkan (Min= 4.64, sp= 0.55) dengan jumlah responden sangat setuju 58 orang (68.2%), 24 orang (28.2%) yang setuju dan terdapat 3 orang (3.5%) yang kurang setuju. Bagi item (B4) “Penjelasan Sejarah Perkembangan Ulum Hadis” menunjukkan (Min= 4.62, sp= 0.48) seramai 53 orang (62.4%) responden yang sangat setuju dan 32 orang (37.6%) yang lain adalah setuju. Item (B5) “Penjelasan Kategori Hadis Dan Aspek Bilangan Perawi. (Mutawatir Dan Ahad)” menunjukkan (Min=4.60, sp-0.51) seramai 52 responden (61.2%) sangat bersetuju, seramai 32 responden (37.6%), dan 1 responden (1.2%) adalah kurang bersetuju. Manakala Item (B9) “Huraian Kewujudan Hadis Palsu” (Min= 4.60, sp= 0.51) dengan jumlah responden yang sangat setuju sebanyak 52 orang (61.2%), 32 orang (37.6%) hanya setuju dan 1 orang (1.2%) kurang setuju. Item terakhir yang mempunyai nilai min yang tinggi adalah item (B8) “Penjelasan Ilmu Nasikh dan Mansukh Dalam Hadis”. Menunjukkan (Min= 4.55, sp= 0.56) dengan jumlah responden sangat setuju sebanyak 50 orang (58.8%), responden yang setuju 32 orang (37.6%) dan yang kurang setuju terdapat 3 orang (3.5%).

ii. Pendekatan Pengajaran Tenaga Pengajar (IH)

Berdasarkan (Jadual: 2) di atas, item (C2) “Penerangan Jelas Dan Mudah Difahami” memperoleh nilai min yang paling tinggi (Min=4.62, sp=0.53) dengan 55 orang (54.7%) responden adalah sangat bersetuju, 28 orang (32.9%) setuju dan 2 orang (2.4%) adalah kurang bersetuju. Item (C10), “Rumusan Dan Perbincangan Bagi Setiap Topik” memperolehi (Min= 4.61, sp= 0.52) dengan peratusan sangat setuju (61.2%) seramai 52 orang dan 33 orang (38.8%) responden adalah bersetuju. Item (C1), “Penerangan Dalam Sesi Kuliah Bagi Setiap Topik” menunjukkan (Min= 4.60, sp= 0.49) dengan jumlah responden yang sangat setuju seramai 51 orang (60.0%) dan yang setuju adalah sebanyak 34 orang (40.0%). Begitu juga item (C4) “Penggunaan Intonasi Suara Yang Baik” (Min= 4.57, sp= 0.52) dengan peratusan sangat setuju (58.8%) bagi 50 orang, 34 orang (40.0%) bersetuju dan seorang responden kurang bersetuju dengan peratusan (1.2%). Item (C9) “Mewujudkan Suasana Harmoni Semasa” (Min= 4.52, sp= 0.52) dengan jumlah responden sangat setuju 46 orang (54.1%), 38 orang (44.7%) adalah setuju dan 1 orang (1.2%) kurang setuju. Seterusnya, item (C6) “Penyediaan Nota Penting Dalam Sesi Pembelajaran” (Min= 4.50, sp= 0.59) dan 47 orang (55.3%) responden sangat setuju, 34 orang (40.0%) adalah setuju dan 4 orang (4.7%) kurang setuju. Item (C7) “Kaitan Topik-Topik Hadith Dengan Isu- Isu Semasa” (Min= 4.47, sp= 0.60) dengan peratusan sangat setuju (52.9%) seramai 45 orang, 35 orang (41.2%) adalah setuju dan 5 orang (5.9%) kurang setuju. Item (C5) “Perbincangan Secara Berkumpulan” (Min= 4.37, sp= 0.59) dengan peratusan sangat setuju (43.6%) seramai 37 orang responden, 43 orang (50.6%) setuju dan 5 orang (5.9%) adalah kurang setuju. Item (C3) Penggunaan Set Induksi Dalam Sesi Pengajaran. (Min= 4.25, sp= 0.65) dengan jumlah responden yang sangat setuju 32 orang (37.6%), responden setuju 43 orang (50.6%) dan 10 orang (11.8%) lain adalah kurang setuju. Item (C8) Penggunaan Inovasi Dalam Sesi Pdp. (Min= 4.23, sp= 0.70) dengan peratusan sangat setuju (38.8%) seramai 33 orang, 39 orang (45.9%) yang setuju dan 13 orang (15.3%) adalah kurang setuju.

iii. Penggunaan Teknologi Dalam PdP Ilmu Hadis

Bagi data yang telah dianalisis mengenai kaedah pengajaran menggunakan teknologi mendapati kesemua nilai min bagi kelima-lima item adalah tinggi. Item tertinggi adalah (C12) “Penggunaan kitab secara PDF” (Min = 4.55, sp= 0.56) dengan jumlah 50 orang (58.8%) yang sangat setuju, 32 orang (37.6%) hanya setuju dan terdapat 3 orang (3.5%) yang kurang bersetuju. Item (C11) “Penggunaan Alat Bantu Mengajar Slide P.Point” menunjukkan (Min= 4.54, sp= 0.52) dengan jumlah responden yang sangat setuju sebanyak 47 orang (55.3%), bagi yang setuju terdapat 37 orang (43.5%) dan 1 orang (1.2%) adalah kurang bersetuju. Seterusnya, item (C13) Penggunaan Software Hadis” s (Min= 4.49, sp= 0.60) dengan jumlah responden setuju adalah 47 orang (55.3%), bagi yang setuju 33 orang (38.8%) dan terdapat 5 orang (5.9%) adalah kurang setuju. Item (C15) Penggunaan aplikasi- aplikasi tertentu dalam sesi PnP” (Min= 4.45, sp=0.58) dengan jumlah responden sangat setuju 43 orang (50.6%), setuju 38 orang (44.7%) dan terdapat 4 orang (4.7%) adalah kurang setuju. Manakala, item (C14) Penggunaan aplikasi online hadis” (Min= 4.40, sp= 0.62) dengan jumlah responden yang sangat setuju 40 orang (47.1%), 39 orang (45.9%) setuju dan kurang setuju seramai 6 orang (7.1%).

iv. Pendekatan Soal Jawab dalam PdP

Berdasarkan jadual di atas, pendekatan kaedah soal jawab menunjukkan nilai min yang tinggi. Bagi item yang paling tinggi. Item (C20) “Sesi Soal Jawab Membantu Memahami Topik” (Min= 4.63, sp= 0.50). Terdapat 55 orang (64.7%) yang sangat setuju, 29 orang (34.1%) yang setuju dan 1 orang (1.2%) adalah kurang setuju. Item (C17) Peluang Mengajukan Soalan Semasa Sesi Kuliah. Menunjukkan (Min= 4.58, sp= 0.51) dengan jumlah responden yang sangat setuju adalah 51 orang (60.0%), bagi yang setuju adalah sebanyak 33 orang (38.8%) dan yang kurang setuju 1 orang (1.2%) sahaja. Item (C19) “Respon Baik Daripada Tenaga Pengajar” mencapai (Min= 4.56, sp= 0.49) dengan jumlah responden yang sangat setuju adalah 48 orang (56.5%) dan yang setuju adalah sebanyak 37 orang (43.5%). Seterusnya, bagi item (C18) “Tenaga Pengajar Menjawab Soalan”. (Min= 4.49, sp= 0.56) dengan jumlah responden yang sangat setuju iaitu 45 orang (52.9%), yang setuju sebanyak 37 orang (43.5%) dan 3 orang (3.5%) adalah kurang setuju. Item terakhir (C16) “Sesi Soal Jawab di Akhir Kuliah.” Menunjukkan (Min= 4.38, sp= 0.59) dan responden yang sangat setuju adalah 38 orang (44.7%), manakala yang setuju terdapat 42 orang (49.4%) dan 5 orang (5.9%) adalah kurang setuju.

Rumusan Kajian

Hasil kajian mendapati bahawa hampir kesemua responden menunjukkan persepsi yang positif mengenai silibus dilaksanakan oleh pensyarah dengan nilai min keseluruhan iaitu 4.63 dengan nilai sp= 0.50. Dapatkan menunjukkan nilai min bagi kesemua item yang berkaitan dengan silibus adalah tidak kurang daripada 4.55 (jadual.1). Dapatkan kajian turut menunjukkan tiada dalam kalangan responden yang menunjukkan tidak berminat dengan penggunaan silibus tersebut. Dapatkan ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Shumsudin Yabi, Syulhanif Kadri, A.Irwan Doll Kawaiid & Norhasnira Ibrahim (2018) yang menyatakan bahawa dapatan kajian bagi persepsi pelajar terhadap silibus Ulum Hadith yang digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran (IH) turut mencapai tahap nilai min yang tinggi.

Ini membuktikan bahawa para pensyarah di universiti akan menerangkan definisi Ilmu Hadis (IH) dan mengikut sukanan yang telah ditetapkan bagi matapelajaran tersebut.

i. Gaya Pengajaran Pensyarah

Jadual (5) menunjukkan min dan sisihan piawai bagi tiga aspek gaya pengajaran pensyarah yang diperolehi daripada persepsi pelajar. Aspek bagi gaya pengajaran adalah kaedah penerangan, kemudahan teknologi dan soal jawab. Min keseluruhan adalah tinggi iaitu 4.49 dan sisihan piawai 0.40.

Jadual 5: Rumusan Keseluruhan Gaya Pengajaran Pensyarah

Gaya pengajaran pensyarah	Min	S.P
Pendekatan Pengajaran Tenaga Pengajar (IH)	4.47	0.38
Penggunaan Teknologi Dalam PdP Ilmu Hadis	4.48	0.44
Pendekatan Soal Jawab dalam PdP	4.53	0.40
Min Keseluruhan	4.49	0.40

ii. Pendekatan Pengajaran Tenaga Pengajar (IH)

Nilai min bagi gaya pengajaran yang menggunakan kaedah penerangan daripada pensyarah menunjukkan nilai berada pada tahap yang tinggi secara keseluruhannya. Nilai min yang tertinggi adalah penerangan pensyarah jelas dan mudah difahami iaitu 4.62 dengan jumlah responden yang sangat setuju 55 orang (54.7%). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor (2015) yang menjelaskan bahawa penerapan strategi dan kaedah yang sesuai perlu digunakan agar ilmu yang disampaikan kepada pelajar adalah benar dan mudah difahami. Nilai min kedua tertinggi adalah pensyarah membuat rumusan dan perbincangan bagi setiap topik iaitu 4.61.

iii. Penggunaan Teknologi Dalam PdP Ilmu Hadis

Dapatkan menunjukkan nilai min berada pada tahap tinggi. Kebanyakan responden bersetuju dengan penggunaan kitab secara PDF sebagai bahan bantu mengajar. Berdasarkan kajian Shumsudin Yabi, Syulhanif Kadri, Zulhilmi Mohd Nor & Mohd Fauzi Mohd Amin (2017) yang menfokuskan kepada penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran kursus Ulum Hadith untuk melihat kesediaan pensyarah dalam mengaplikasikan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seperti penggunaan peta minda, jadual dan gambar rajah yang dapat membantu pelajar dalam memahami dan menghafal sesuatu di dalam kursus Ulum hadith. Turut dinyatakan didalam kajian tersebut, bahawa penggunaan slaid power point yang biasa digunakan adalah bukti sebagai penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran yang inovatif dan berkesan dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Disamping untuk memupuk gaya pembelajaran sendiri dan pemikiran inovatif melalui kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran.

iv. Pendekatan Soal Jawab dalam PdP IH

Dapatkan menunjukkan bahawa nilai min bagi keseluruhan item adalah berada pada tahap tinggi. Nilai min yang tertinggi adalah item “dengan adanya sesi soal jawab saya lebih memahami topik yang dibincangkan” dengan nilai min iaitu 4.63. Hal ini disokong oleh

Shumsudin Yabi, Syulhanif Kadri, Zulhilmi Mohd Nor & Mohd Fauzi Mohd Amin (2017) yang memetik daripada Noornajihan Jaafar menyatakan bahawa kaedah yang digunakan oleh Rasulullah SAW semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bersama-sama para sahabat dengan menggunakan kaedah penceritaan, kuliah, tindakan atau perbuatan, persoal jawab, talaqqi dan menjalankan aktiviti. Pensyarah juga boleh menpraktikkan kaedah-kaedah tersebut dalam proses pengajaran bagi kursus Ulum Hadith (IH).

Limitasi Kajian

Kajian yang telah dijalankan ini merupakan kajian yang dilakukan terhadap dua buah institusi pengajaran tinggi di negeri Perak iaitu di Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI dan Universiti Sultan Azlan Shah USAS yang berbeza status quo, namun standard kurikulum dan pendekatan pengajaran adalah sama. Pemilihan sampel kajian yang kecil sebaiknya dapat dijadikan panduan dalam kajian bagi keseluruhan institusi pengajaran tinggi khususnya dalam penggunaan ICT dalam pengajaran (IH) yang mempengaruhi populasi yang lebih besar ataupun faktor geografi.

Kesimpulan

Dapatkan kajian menunjukkan keselarasan gaya pengajaran tenaga pengajar yang selaras bagi mata pelajaran ilmu hadis (IH). Susunan silibus secara sistematik dan teratus menjadi faktor utama pencapaian memberangskan bagi mata pelajaran ini. Pendekatan pengajaran IH turut dicadangkan diterapkan dengan elemen tradisi dalam pengajaran sanad hadis yang menekankan konsep *Tahamul wa al-Ada'* dalam hadis. Penggunaan ICT dalam pengajaran hadis dapat memanfaatkan pengajaran dan memudahkan penggunaan sumber penyelidikan bagi pelajar di universiti. Pendekatan soal-jawab dalam pengajaran yang masih relevan, menunjukkan keperluan mempunyai guru dalam sistem pengajaran dalam agama Islam sebagai tradisi agama Islam. Dengan memanfaatkan pendekatan-pendekatan terbaik, ia akan menarik kemampuan pelajar dalam pengetahuan dan amalan harian berpandukan sumber hadis sebagai dalam agama Islam.

RUJUKAN

- Aitkin, M. L, & Zuzovsky, R. (1994). Multilevel interaction models and their use in the analysis of large-scale school effectiveness studies. *School Effectiveness and School Improvement* 5, 45-73.
- Carroll, J. (1963). A model of school learning. *Teacher College Record*, 64, 723-73.
- Carroll J. (1989). The Carroll model: A 25 years retrospective and prospective view. *Educational Researcher*, 18, 26-31.
- Fadzil, M. F. B. M., Deraman, D. F. Bin, & Amir, S. B. 2014. *Pengajian Hadith Di Institusi Formal & Non Formal Di Malaysia*. Jurnal Ilmiah Berimpak, 7(Jun), 33–49.
- Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman & Faisal Ahmad Shah. (2010). *Pengajian Hadith di Malaysia: Tokoh, karya dan Institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan al- Qur'an dan al- Hadith, Akademi Pengajian Malaysia, Universiti Malaya.
- Hasnuddin Bin Ab Rahman et al., (2015) "Keberkesanan Penggunaan ICT Di Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur". Proceeding of International Conference On Information Technology & Society 08. 238-252.
- Hiebert, J. et al. (1991). Fourth graders gradual constructions of decimal fractions during instruction using different representation. *Elementary School Journal*, 97, 301-341.
- Kallison, (1986). Effect of lesson organization achievement. *American Educational Research Journal*, 23, 337-347.
- King, D. & Menke, J. (1992). Providing the instructors note: An effective additional to student notetaking. *Educational Psychologist*, 20, 33-39.
- Land, M. L. (1987), Vagueness and clarity. Dalam Dunkin (Ed.), *International encyclopedia of teaching and teacher education*. N.Y: Pergamon.
- Shumsudin Yabi 2017, *Pengajaran Kursus Ulum Hadith di Institusi Pengajian Tinggi Awam: Tinjauan Literasi Terhadap Pendekatan Pengajaran Masa Kini*. Journal Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah, Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. (ISSN: 1823-4356. e-ISSN: 2637-0328.) Vol.13. No.14.
- Shumsudin Yabi, Syulhanif Kadri, A.Irwan Santeri Kawaid, Norhasnira Ibrahim. (2018). *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Ulum Hadith Di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)*. Proceding. International Conference Of Islamic Fundamental On Integration Of Aqli And Naqli (Icon) Institut Agama Islam Negeri (Iain) Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia.
- Syulhanif Kadri, Shumsudin Yabi. (2017). Persepsi Pelajar Terhadap Proses pengajaran dan Pembelajaran Subjek Ulum Hadith di USIM. Proseding Seminar 2nd International Muzakarah and Mu'tamar on Hadith. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Slavin, R. (1987). A theory of school and classroom organization. *Eduational Psychologist*, 22, 89-108.
- Slavin, R. (1994). A theory of school and classroom organization. Dalam R. Slavin, (Ed.), *School and Classrooom Organization*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Wan Ahmad Jaafar & Wan Yahaya Rosli Abd Rahman (2008). “Pembudayaan Penggunaan Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam”. *Diges Pendidik* 08. 02, 55-63.

Zinn, L. M. (2004). Exploring your philosophical orientation. In M. W. Galbraith (Ed.).*Adult learning methods: A guide for effective instruction* (3rd ed., pp. 39-74). FL: Krieger Publishing Company.

Internet

Bernama.com. Empat Fungsi Utama Agensi Kelayakan (MQA), Agensi Kelayakan Malaysia. 25 September 2019. <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1730806>